



TEKS UCAPAN MEDIA “PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN MAKANAN DAN KAWALAN BIOSEKURITI NEGARA”

1. Jabatan MAQIS merupakan sebuah badan penguatkuasa yang telah dipertanggungjawabkan sebagai **benteng utama bagi menjaga jaminan bekalan dan keselamatan makanan** khususnya **keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara**.
2. Untuk makluman tuan-tuan/puan-puan, semua pengimportan keluaran pertanian ke dalam negara perlu mematuhi aspek perundangan seperti mana yang tertakluk di bawah **Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]**. Pada Tahun 2019, statistik pelanggaran Akta 728 adalah sebanyak **1,002 kes tangkapan, 18 kes pendakwaan dengan nilai denda berjumlah RM201,500.00, nilai kompaun berjumlah RM4.030 juta dan nilai rampasan berjumlah RM116.6 juta** berjaya diuruskan oleh MAQIS. Statistik ini telah membuktikan kejayaan dan peranan penting yang dimainkan oleh MOA melalui MAQIS dalam mempertahankan biosekuriti, *food safety* dan *food security* negara. Manakala bagi aspek pemintasan perosak (*pest interception*) bagi mengekang kemasukan perosak tanaman, sebanyak **1088 pintasan perosak telah dijalankan di semua pintu masuk negara** dan terdapat **290 perosak yang ditemui** dari pelbagai jenis keluaran pertanian yang diimport masuk ke dalam negara sepanjang tahun 2019.
3. Bagi kejadian penyakit haiwan rentas sempadan yang berlaku, terdapat dua (2) kes iaitu penyakit **African Swine Fever (ASF)** pada daging babi dan produk babi dan **Foot Mouth Disease (FMD)** pada ternakan lembu import. Bagi penyakit ASF yang masih wujud sehingga kini di luar negara, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengeluarkan arahan larangan pengimportan ke atas babi dan produk babi dari 13 negara seperti **China, Thailand, Vietnam, Laos, Poland, Belgium, Cambodia, Hong Kong, Myanmar, Laos, Korea, Filipina dan Indonesia** sebagai langkah pencegahan. Antara produk yang berisiko tinggi dalam penularan virus ASF adalah seperti babi hidup,

daging babi segar, babi sejuk beku, produk babi dalam tin dan *processed pork* seperti sosej dan sebagainya.

4. Sehingga kini, sepertimana yang dilaporkan, **Malaysia masih bebas daripada penyakit ASF yang boleh merebak melalui babi dan produk hiliran berasaskan babi. Beberapa negara Asia seperti China, Vietnam, Cambodia, Thailand serta yang terkini, Indonesia telah dijangkiti penyakit tersebut serta menjejaskan industri babi di negara yang terbabit dimana ia mengakibatkan kerugian yang amat besar.** Pihak MAQIS telah cuba sedaya upaya bertindak sebagai benteng awal di pintu masuk bagi menghalang kemasukan wabak tersebut ke dalam negara.
5. Bagi mengekang kemasukan wabak ASF, pihak MAQIS menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan yang lebih ketat di semua Pintu Masuk negara. **Statistik jumlah rampasan daging babi dan produk babi sepanjang tahun 2019 adalah berjumlah 5,730.55 kilogram, di mana sebanyak 2,497.91 kilogram bagi daging babi manakala untuk produk babi adalah berjumlah 3,232.58 kilogram.** Rampasan daging babi dan produk babi di laluan udara dengan nilai berat 4,475.91 kilogram, di laluan darat 1,239.64 kilogram dan melalui laluan laut seberat 15 kilogram. Kesemua daging babi dan produk babi yang ditahan dilupuskan mengikut **Standard Operating Procedure (SOP)** yang telah ditetapkan.
6. Selain itu juga, pihak MAQIS juga telah mengadakan **kerjasama strategik bersama agensi-agensi lain** di Pintu Masuk untuk mengekang kemasukan virus ASF ke dalam negara seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), bagi mengelakkan berlakunya kemusnahan industri perternakan babi negara sekiranya terlepas masuk ke dalam negara.
7. Untuk makluman tuan-tuan/puan-puan, bagi kejadian penyakit FMD pula, terdapat dua (2) kes **Foot Mouth Disease (FMD) yang dikesan** terhadap lembu yang diimport dari negara Thailand di premis kuarantin swasta di Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Rantau Panjang Kelantan, dimana kesemua **185 ekor lembu yang mempunyai tanda-tanda klinikal penyakit FMD atau jangkitan FMD** dan susulan itu tempoh kuarantin lembu tersebut dilanjutkan selama dua puluh lapan (28) hari. Lembu yang dijangkiti FMD akan dilupuskan

mengikut **Standard Operating Procedure (SOP)** yang telah ditetapkan bagi mengekang perebakan penyakit FMD.

8. Tuan-tuan/puan-puan, penyampaian maklumat bagi memberi kesedaran (*awareness*) kepada rakyat, pelancong dan komuniti perniagaan sentiasa dipertingkatkan terutamanya melalui media massa. Oleh yang demikian, bagi tujuan tersebut setiap kes tahanan/rampasan keluaran pertanian yang dilakukan oleh MAQIS di setiap Pintu Masuk akan dikeluarkan dalam kenyataan media bagi tujuan kesedaran yang berterusan kepada golongan sasaran dan rakyat secara umumnya. Berdasarkan rekod sepanjang tahun 2019, sebanyak 156 kenyataan media berkaitan MAQIS telah diterbitkan.
9. Justeru itu, pihak MOA juga berharap dan memohon **agar rakyat Malaysia dapat memberikan kerjasama terutama sekali semasa musim perayaan ini** dengan tidak membawa masuk sebarang produk berasaskan babi ataupun babi mentah ke dalam Malaysia tanpa melalui pemeriksaan oleh Jabatan MAQIS. Selain itu, **kerjasama daripada pihak media agar memainkan peranan yang lebih agresif dalam membantu pihak MOA dan MAQIS untuk memberi kesedaran kepada orang ramai** berkaitan kepentingan untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan aspek biosekuriti, *food safety* dan *food security* bekalan makanan untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

18 Januari 2020